

# **Peringkat Perkembangan Konsep Kendiri Mengikut Pandangan Erikson Dan Peranan Perkembangan Kognitif Dalam Pembentukan Konsep Kendiri (Part 7)**

Hasmadi Bin Hassan

## **2.2.6 Peringkat awal dewasa / kerapatan lawan pengasingan (18 – 35 tahun)**

Selepas terbinanya identiti sendiri yang stabil, golongan muda ini mula menjalinkan hubungan akrab dan mesra dengan orang lain. Mereka sudah mula mencari pasangan dan sanggup berkorban untuk mempertahankan perhubungan tersebut. Bagi mereka yang tidak dapat menjalinkan hubungan ini dan tidak mempunyai kepuasan dalam pekerjaan, mereka akan rasa terasing (isolation).

## **2.2.7 Peringkat pertengahan alam dewasa / generativiti lawan pemusatan sendiri (35–60 tahun)**

Golongan dewasa yang sihat adalah mereka yang mempunyai identiti ego yang kuat dan hubungan yang matang dengan orang lain.

Generativiti melibatkan proses meningkatkan karier yang produktif dan mengambil berat akan kebajikan generasi akan datang. Pada peringkat ini, seseorang akan berasa puas hati jika dapat membantu anak-anaknya menjadi orang dewasa yang bertanggungjawab serta berguna kepada masyarakat dan negara.

Selain itu, individu berkenaan ingin juga membantu orang lain dalam kesusahan serta menjalankan kerja-kerja amal. Kekakuan (stagnation) berlaku apabila terdapat kekurangan dalam produktiviti, rasa bosan dan kurang terlibat dalam hubungan interpersonal serta berasa tidak puas hati dan kecewa dengan hidupnya. Erikson percaya seseorang boleh menjadi generatif dengan memberi sumbangan ke arah kemajuan masyarakat melalui kerja-kerja yang produktif dan bermanfaat kepada masyarakat.

## **2.2.8 Peringkat tua / kesepaduan lawan putus asa (60 tahun–akhir hayat)**

Ia merupakan masa seseorang individu melakukan refleksi sendiri di mana seseorang akan mengenang kembali apa yang pernah dilaluinya sepanjang hayat.

Jika mereka berpuashati, kesepaduan diri (ego integrity) akan timbul, sebaliknya jika mereka sentiasa menyesal tentang peluang-peluang yang terlepas pada masa lalu, mereka akan berasa putus asa dan kecewa (despair). Kebijaksanaan (wisdom) adalah 'virtue' yang dikaitkan dengan masa tua yang penuh bermakna.

CONTINUE...